

Senyum bangga dua tokoh Peladang Jaya



Shagungan terpancar di wajah Hajjah Aishah Bakar, bila beliau dipilih Peladang Jaya Wanita 1981.

Oleh Mior Kamarul Shahid

TANJONG KARANG, Sabtu — Encik Mohd. Yazid bin Haji Hashim, 39, ialah pemenang Peladang Jaya lelaki dan Hajjah Aishah Bakar, 50, Jaya Wanita, peringat Nasional yang diumumkan sempena Hari Peladang ke-10.

Masing-masing menerima hadiah wang tunai \$1,000, cenderamata dan sijil penghargaan.

Encik Mohd. Yazid mewakili Pertubuhan Peladang Kubang Sepat, Kedah sementara Puan Aishah dari Pertubuhan Peladang Lubuk Batu, Kedah.

Tempat kedua Peladang Jaya lelaki dimenangi oleh Haji Ibrahim Ismail dari Pertubuhan Peladang Sungai Limau Dalam F. Empat (MADA), Kedah dan ketiga Encik Zakaria bin Abdul Malek dari Pertubuhan Peladang Nilam Puri, Kelantan.

Régi Peladang Jaya Wanita pula, tempat kedua dimenangi oleh Hajjah Zainon binti Abdul Ghani dari Pertubuhan Peladang Muar Tengah, Johor dan tempat ketiga Puan Esah binti Mamat dari Pertubuhan Peladang Ulu Kusal, Kelantan.

Tempat kedua di menangi oleh Peraturan Peladang Cili (MADA) dan ketiga Persatuan Peladang Nilam Puri (KADA).

Dalam pertandingan Pertubuhan Peladang Progresif (Kawasan Pembangunan Wilayah), tempat pertama ialah Pertubuhan Peladang Tiga Daerah Kelantan juga menerima wang tunai \$5,000, cenderamata dan sijil, kedua Pertubuhan Peladang Gunung Semangot, Perak dan ketiga Pertubuhan Peladang Bagian Tiang, Perak.

Dalam pertandingan Pertubuhan Peladang Progresif (Perluasan), tempat pertama dimenangi oleh Pertubuhan Peladang Jempol, Negeri Sembilan dan tempat kedua dimenangi bersama oleh Pertubuhan Peladang Kubur Panjang dan Bandar Baru Kedah.

Dalam Pertandingan Yuni Peladang Wanita Progresif, tempat pertama jatuh kepada Kawasan Tiga Seberang Prai Utara (SPU) dan Pertubuhan Peladang Kelang, Selangor (Johan bersama), kedua Pertubuhan Peladang Kawasan Dua Pulau Pinang.

Dalam pertandingan Syarikat Kerjasama Aas Tani yang progresif dimenangi oleh Syarikat Kerjasama Kampong Tun Abdul Razak, Melaka tempat pertama, Syarikat Kaum Ibu Kubang Pasu Timor, Kedah tempat kedua dan Syarikat Kerjasama Rancangan Tanah Pinggir, Bukit Kuang, Kedah tempat ketiga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang melakukan upacara pembukaan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.



Encik Mohd. Yazid Hashim, Peladang Jaya lelaki 1981 menerima wang tunai \$1,000, sijil dan cenderamata dari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia